

1. Hampir semua 600 kakitangan Jabatan Perhutanan Perak kena tukar

KUALA LUMPUR : Hampir semua daripada kira-kira 600 kakitangan Jabatan Perhutanan Perak terbabit dalam pertukaran terbesar agensi itu bermula hari ini bagi membendung penyelewengan dan kegiatan pembalakan haram di negeri itu.

Ketua Pengarah Perhutanan, Datuk Seri Dr Abd Rahman Abd Rahim, berkata mereka daripada kumpulan sokongan seperti Renjer Hutan, Pengawas Hutan dan Pekerja Am Hutan di seluruh Daerah Pentadbiran Hutan (DPH) Perak telah diarah berpindah tempat bertugas.

Katanya, kakitangan yang disyaki terbabit melindungi pembalakan haram berhadapan tindakan undang-undang dan bakal dikenakan hukuman tatatertib tegas, termasuk dibuang kerja jika disabitkan bersalah oleh mahkamah.



KETUA Pengarah Perhutanan, Datuk Seri Dr Abd Rahman Abd Rahim. - Foto Syamsi Suhaimi.

"Mulai 1 April (hari ini) juga pemantauan ke atas hampir 600 kakitangan di semua DPH akan dipertingkat bagi memastikan mereka mematuhi peraturan."

"Pengarah Perhutanan Perak (Datuk Roslan Ariffin) sudah memaklumkan perkara ini dan saya mahu tindakan tegas diambil terhadap mereka yang terbabit," katanya kepada BH semalam.

BH sebelum ini mendedahkan Hutan Simpan Temengor, Banding, menjadi sasaran kegiatan pembalakan haram selepas serbuan pihak berkuasa Khamis lalu berjaya merampas 80 pokok balak dianggar berusia lebih 150 tahun ditebang.

Berikutan itu, Jabatan Perhutanan Perak mengumumkan tindakan menukar 30 kakitangan, terutama yang bertugas di Pejabat Perhutanan Daerah Hulu Perak bagi meningkatkan aspek pengurusan dan penguatkuasaan kawasan hutan.

Abd Rahman berkata, pihaknya memandang serius masalah ketirisan di Perak kerana kerajaan hilang sumber pendapatan selepas gagal mengutip cukai selain risiko berlaku masalah alam sekitar terjejas teruk.

Sementara itu, beliau memaklumkan, pihaknya sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengesan kegiatan penyelewengan di Jabatan Perhutanan negeri lain yang terdedah kepada pembalakan haram.

"Ini (operasi) adalah peringkat pertama, selepas ini kita akan ke Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor kerana kakitangan lapangan di sana turut terdedah kepada kegiatan sama.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kita tidak memantau negeri lain kerana sasaran adalah membersihkan Jabatan Perhutanan Semenanjung sebelum akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata, kakitangan Jabatan Perhutanan sepatutnya memiliki tahap integriti yang tinggi kerana menjaga aset negara dengan mana-mana individu yang melanggar peraturan tidak akan dilindungi sama sekali.



Khamis, 2 April 2015

2. Dana Bumiputera Al-Ansar RM200j sasar 11 sektor - PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata memperkasa Bumiputera yang menjadi sebahagian agenda nasional kerajaan perlu diterjemah dalam pelbagai bentuk tindakan dan program.

Perdana Menteri menjelaskan, ia bagi membolehkan keberhasilan terhadap matlamat utamanya iaitu mempertingkat dan merancakkan keupayaan ekonomi Bumiputera.

"Saya ingin menyatakan agenda memperkasa Bumiputera ini wajar diterjemah dalam bentuk tindakan dan program untuk membolehkan ia berjaya membentuk keberhasilan seperti yang dihasratkan," katanya.

Kerajaan kini kata Najib sudah melaksana beberapa langkah bagi menyokong agenda itu antaranya pelaksanaan program pembangunan modal insan di Pusat Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UITM), bertujuan melahirkan akauntan Bumiputera selain melantik kontraktor Bumiputera dalam projek berskala besar seperti pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan Transit Aliran Ringan (MRT).

Najib berkata demikian dalam ucapan ringkasnya ketika melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar kelolaan Lembaga Tabung Haji (TH) dan Bank Islam di bilik taklimat di bangunan Parlimen, hari ini.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengurus TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim serta Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Sebanyak RM200 juta disediakan menerusi Dana Bumiputera Al-Ansar yang menawarkan kemudahan pembiayaan kredit bernilai antara RM50,000 hingga RM1 juta.

Dana patuh syariah yang pertama kali dilaksana di Malaysia itu mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) dan akan disalurkan menerusi Bank Islam, sebagai ejen pengurus dananya.

Mengulas mengenai dana itu, Najib berkata, 11 sektor diberi keutamaan meliputi makanan halal; minyak dan gas; pendidikan; kesihatan; pertanian dan asas tani; pembinaan; pengangkutan; sokongan telekomunikasi dan utiliti serta pemborongan dan peruncitan.

Beliau turut berharap, langkah itu dapat melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan Bumiputera, selain memastikan usahawan sedia ada dipertingkat keupayaan dan sumbangannya dalam membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Langkah oleh TH ini adalah amat baik sekali. Saya mahu sampaikan setinggi tahniah dan ia diyakini mampu memberi impak yang besar (kepada masyarakat Bumiputera).

"Saya harap GLC (syarikat berkaitan kerajaan) lain boleh ikut cara seperti ini. Diharap ia boleh beri manfaat besar kepada masyarakat khususnya Bumiputera," katanya.



Khamis, 2 April 2015

3. Najib lancar skim mikro kredit penjaja Cina RM30 juta

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak hari ini melancarkan Skim Mikro Kredit Penjaja dan Peniaga Cina, membabitkan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi membantu golongan tersebut memajukan perniagaan dan memudahkan mendapatkan pinjaman kewangan.

Perdana Menteri berkata di bawah skim itu, setiap pemohon boleh meminjam antara RM5,000 hingga RM15,000, bergantung kepada syarat dan kelulusan yang ditetapkan.

"Pembangunan (negara) mestilah bersifat inklusif dan adil, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.

"Sebab itulah, hari ini kita lancarkan skim mikro kredit ini, sebab bagi kerajaan, golongan ini perlu dibantu.

"Tidak kira etnik mana pun, peniaga dan penjaja kecil mesti dibantu kerana mereka banyak memainkan peranan (kepada negara)," katanya ketika berucap sebelum melancarkan skim tersebut di Jalan Alor di sini hari ini. - BERNAMA



Iasnin, 6 April 2015

4. Laporan Ketua Audit Negara: PAC akan panggil 10 kementerian

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil sepuluh kementerian sebelum sesi Parlimen akan datang untuk memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek berkaitan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, kementerian terbabit ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Kewangan; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Kementerian lain ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), katanya kepada pemberita selepas mempergerusikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata antara isu penting yang berbangkit dalam Laporan Audit tahun ini ialah berhubung tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah yang berbentuk projek rundingan terus mengalami masalah.

Penjelasan juga bakal dituntut bagi dua projek di bawah Kementerian Pertahanan yang berbentuk rundingan terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak.

Katanya jawatankuasa itu juga mendapati kelemahan terhadap pengurusan kuarters polis yang tidak sempurna di bawah KDN selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah KPWKM.

Menurutnya, beberapa isu lain berkaitan termasuk Kementerian Kewangan yang melibatkan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Perbadanan Putrajaya selain Pengurusan RISDA di bawah KKLW.

"Kementerian akan memanggil KKMM bagi projek infrastruktur jalur lebar untuk orang ramai di Sabah dan Sarawak, projek TPM Biotech di bawah MOSTI dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan Laporan Ketua Audit Negara 2014 pada tahap baik berikutnya laporan awal tahun itu melibatkan nilai perbelanjaan projek yang sedikit berbanding pada akhir tahun.

Nur Jazlan berkata pihaknya akan memantau program kementerian seperti fungsi MOSTI dalam memainkan peranan kepada masyarakat selain keberkesanan program KPDKKK dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) untuk menganjurkan latihan keusahawanan.

Beliau berkata kerajaan perlu menilai semula projek yang melibatkan rundingan terus dan 'design and build' khususnya dalam bidang pembinaan kerana mendatangkan masalah.

Mengenai cadangan PAC agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung sementara program subsidi beras Super Tempatan (ST15), katanya jawatankuasa itu menegur program yang tidak mencapai matlamat.

"PAC akan memperbetulkan program yang berlaku pembaziran ataupun berlaku penyelewengan," katanya.



Selasa, 7 April 2015

5. Dua kakitangan pejabat tanah Kota Tinggi rasuah

JOHOR BAHRU: Dua penjawat awam yang masing-masing adalah penolong pegawai tanah kanan dan pekerja rendah awam di Pejabat Pentadbir Tanah Kota Tinggi di sini, dihukum penjara dan dikenakan denda berjumlah RM345,000 oleh Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini hari ini.

Hakim Mohd Haldar Abdul Aziz menjatuhi hukuman itu setelah mendapati tertuduh Rahmat Abdullah, 52, dan Naf' Kamarulzaini Atan, 33, bersalah menerima rasuah RM69,000 daripada seorang pengarah syarikat, empat tahun lalu.

Bagi Rahmat, mahkamah menetapkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM25,000 kerana bersalah terhadap pertuduhan menerima sekeping cek RM5,000 daripada Pengarah Saujana Serangkai Sdn Bhd, Rizam Sahar di Restoran Pizza Hut, Jalan Niaga, Pusat Perdagangan Kota Tinggi, pada 12 Julai 2010, jam 2 petang.

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kenyataan di sini, rasuah itu sebagai dorongan kepada Rahmat membantu syarikat itu mendapat kelulusan permohonan kontrak kerja membersihkan dan mengeluarkan saki-baki kayu di Mukim Sedili Besar.

"Sekiranya gagal membayar denda, dia boleh dipenjarakan setahun lagi," kata suruhanjaya berkenaan, hari ini.

Bagi Naf' Kamarulzaini pula, dia dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda sebanyak RM320,000 kerana bersalah terhadap empat pertuduhan menerima cek berjumlah RM64,000 daripada individu sama antara Mei dan Julai 2010.

Naf' Kamarulzaini dituduh menerima cek pertama dan kedua bernilai RM45,000 dan RM13,000 itu di hadapan kedai Elegant Accesories Sdn Bhd, Taman Seraya Kulai Jaya antara 9.30 hingga 10.30 pagi pada 31 Mei 2010 serta 11 hingga 11.20 pagi pada 4 Jun 2010.

Kemudian, dia menerima cek ketiga bernilai RM3,000 di LV Car Wash Jalan Mawai, Kota Tinggi pada jam 10.30 pagi, 18 Jun tahun sama, manakala pertuduhan keempat pula membabitkan penerimaan cek RM3,000 di Warung JHLAM, Jalan Mawai, juga di Kota Tinggi pada jam 10.30 pagi, 8 Julai.

SPRM berkata sekiranya gagal membayar denda, Naf' Kamarulzaini boleh dipenjara selama tiga tahun bermula hari ini.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Pengawai Pendakwa SPRM Ridzuan Abd Malik manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Rosli Kamaruddin.



Rabu, 8 April 2015

6. PPPM (PT) model transformasi pendidikan terbaik Asia

KUALA LUMPUR: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), yang dilancarkan semalam adalah acuan transformasi pendidikan tinggi terbaik yang boleh dicontohi negara lain.

Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO), Irina Bokova menyuarakan keyakinan PPPM (PT) akan menjadi penanda aras transformasi pendidikan tinggi di rantau Asia.

Pelan yang merangkumi 10 lonjakan itu katanya, selaras wawasan agenda pembangunan UNESCO pasca 2015 untuk memacu kualiti dan pencapaian pendidikan di seluruh dunia.

Aspirasi pembangunan

"Kecemerlangan pendidikan pada semua peringkat adalah kunci kejayaan untuk merealisasikan aspirasi pembangunan Malaysia yang berteraskan inovasi, kreativiti dan pengetahuan.

"Pendidikan bukan sekadar melahirkan insan berpengetahuan dan berkemahiran, sebaliknya menerapkan nilai tanggungjawab dalam masyarakat dan komuniti sejagat.

"Saya yakin pelan yang menerapkan beberapa prinsip seperti capaian, kualiti dan kesaksamaan ini berupaya menjadi pemangkin transformasi Malaysia pada abad akan datang," katanya.

Pensyarah Pengurusan Global dari Institut Teknologi Massachusetts (MIT) Amerika Syarikat, Prof Charles H Fine, berkata PPPM (PT) sewajarnya menjadi pengukur hala tuju pendidikan pelbagai negara serantau.

Selain menggariskan fungsi universiti awam dalam melonjak pendidikan negara katanya, pelan itu turut memuatkan segala cabaran yang perlu dihadapi dan langkah penyelesaiannya.

"Aspirasi pelan ini yang berpandukan kualiti, kesaksamaan, perpaduan, capaian dan keberkesanannya adalah gambaran keseimbangan yang perlu dicapai dalam pendidikan tinggi

Kerjasama realisasi matlamat

"Guru, pelajar, pentadbir universiti awam, peneraju industri, ahli pertubuhan bukan kerajaan, penjawat awam dan swasta perlu menyahut cabaran serta menggembangkan tenaga untuk merealisasikan matlamat yang digariskan dalam PPPM (PT)," katanya.

Fine berkata, penubuhan Institut Pengajian Perniagaan Asia yang bakal membuka pengambilan September ini antara lain berupaya menyokong gagasan pendidikan yang diterapkan dalam PPPM (PT).

Katanya, beberapa program yang akan dilaksana di institut berkenaan selaras dengan 10 lonjakan dalam PPPM (PT) seperti keusahawanan, kecemerlangan bakat, pembelajaran seumur hidup dan ekosistem inovasi.

"Rangkuman yang digariskan menerusi 10 lonjakan ini secara tidak langsung menzahirkan usaha pelbagai pihak dalam mengendalikan penyelidikan mengenai cabaran pendidikan masa kini.

"Setiap negara perlu sedar bahawa kita kini hidup dalam dunia dinamik dan arus ekonomi global yang saling berhubung," katanya.



Rabu, 8 April 2015

7. Kementerian sasar 650,000 pelajar TVET tahun 2025

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan menyasarkan peningkatan keseluruhan 650,000 pelajar dalam program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) menjelang tahun 2025.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ia selaras dengan Lonjakan Keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), untuk meningkatkan graduan TVET berkualiti.

"Melalui peningkatan kapasiti TVET, kementerian menyasarkan 2.5 kali ganda peningkatan keseluruhan enrolmen TVET kepada 650,000 pelajar menjelang tahun 2025, di mana 300,000 daripadanya didaftarkan dalam program di bawah Kementerian Pendidikan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran PPPM (PT) di sini, semalam.

Pelancaran itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Yang turut hadir pada majlis itu, Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan.

Tubuh JPTP

Pada masa sama, Muhyiddin turut mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Putrajaya (JPTP) yang dipengerusikan sendiri oleh beliau dan dibantu Menteri Pendidikan II, pemimpin utama sektor awam serta warga akademik, pakar dan wakil badan bukan kerajaan (NGO).

"Satu inisiatif yang akan dilancarkan tidak lama lagi adalah Program Transformasi Universiti yang berdasarkan Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

"Saya akan pantau pelaksanaan pelan ini secara 'hands-on' dan akan membuat keputusan dari semasa ke semasa untuk membolehkan agenda pelan ini dilaksanakan sebaik mungkin," katanya.

PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan bagi menyokong lima aspirasi sistem iaitu akses, ekuiti, kualiti, kecekapan dan perpaduan.

Beliau berkata antara penekanan utama PPPM (PT) ialah, melahirkan graduan holistik dan seimbang, yang berilmu dan berakhhlak serta mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada negara dan dunia.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, melalui pelan itu juga universiti awam turut dibenarkan membangun dan melaksanakan skim pelbagai trek melalui proses penurunan kuasa dalam aspek sumber manusia.

"Dari segi tadbir urus institusi pengajian tinggi (IPT), kementerian akan beralih daripada menjadi pengawal tegas kepada pengawal selia dan pembuat dasar. IPT akan terus diberi kuasa autonomi berdasarkan tahap kesediaan yang diimbangi akauntabiliti melalui kontrak prestasi lima tahun bagi semua universiti awam.

"Untuk pembiayaan pelajar, kemapanan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan ditingkatkan melalui penambahbaikan formula pembayaran balik yang akan beralih kepada bentuk pinjaman luar jangka, ini bermakna graduan perlu membayar balik pinjaman apabila mereka memperoleh pendapatan pada tahap tertentu," katanya.



Rabu, 8 April 2015

8. PUNB lulus RM616.61 juta pembiayaan usahawan Bumiputera

KUALA LUMPUR: Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) sudah meluluskan pembiayaan sebanyak RM616.61 juta kepada 3,215 perniagaan Bumiputera di bawah Skim PROSPER Runcit setakat 31 Mac 2015.

Pengerusi, Senator Tan Sri Mohd Ali Mohd Rustam, berkata seramai 4,868 usahawan runcit menikmati skim itu sejak ia dilancarkan pada 2000.

Beliau berkata, skim PROSPER Pemborong yang dilancarkan pada 2006 telah berjaya membangunkan sebanyak 288 syarikat atau perniagaan borong dan melahirkan 595 pemborong Bumiputera berskala besar.

"Jumlah pembiayaan keseluruhan yang diluluskan PUNB ialah sebanyak RM585.57 juta," katanya berucap pada Seminar Peruncitan Kebangsaan (SPark 2015) di sini hari ini.

Dalam pada itu, PUNB akan melancarkan skim jaminan kewangan baharu pada bulan depan untuk membantu usahawan Bumiputera memiliki premis perniagaan sendiri.

Pelancaran skim jaminan itu secara langsung membantu meningkatkan pemilikan harta tanah komersial dalam kalangan Bumiputera.

Cadangan untuk melancarkan skim jaminan itu berikutan ramai usahawan Bumiputera berdepan kesukaran dari segi penyediaan deposit yang mencukupi untuk membeli harta tanah komersial.

"Kami bercadang memperuntukkan RM30 juta untuk skim jaminan baharu ini yang akan dilancarkan pada bulan depan," kata Mohd Ali.

PUNB akan mengadakan kerjasama strategik dengan bank di Malaysia untuk melaksanakan skim berkenaan.

"Kita sudah berbincang dengan dua hingga tiga bank untuk kerjasama bagi membantu usahawan Bumiputera memiliki premis perniagaan sendiri. Namun, kini hanya sebuah bank yang benar komited untuk bekerjasama dengan kami untuk melancarkan skim ini," katanya.



Khamis, 9 April 2015

9. Kementerian Kewangan ingkar arahan Parlimen

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendakwa Kementerian Kewangan gagal mematuhi arahan Parlimen apabila tidak memberi sebarang maklum balas terhadap syor dikemukakannya berhubung Laporan Ketua Audit Negara.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata semua syor PAC dibentangkan di Parlimen gagal diikuti kementerian terbabit atau langsung tidak dimaklumkan kepada jawatankuasa itu.

Katanya, mengikut Perenggan 304(b) Arahan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sepatutnya memaklumkan kepada Ketua Setiausaha setiap kementerian supaya memberi maklum balas terhadap syor dikemukakan PAC.

"Sejak November 2013, PAC sudah memanggil 18 kementerian, namun dalam tempoh 17 bulan, tiada maklum balas dikemukakan," katanya pada sidang media di Bangunan Parlimen, di sini, sebentar tadi.

10. ECER tarik pelaburan RM73.04b 2007-Mac 2015

KUALA LUMPUR: Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) berjaya menarik pelaburan berjumlah RM73.04 bilion dari 2007 sehingga Mac tahun ini.

"Pelaburan itu akan mewujudkan 73,708 peluang pekerjaan baharu bagi rakyat dan mewakili 66 peratus daripada sasaran pelaburan ECER bernilai RM110 bilion menjelang 2020," kata Majlis Pembangunan ECER (ECERDC) dalam satu kenyataan hari ini.

Dari segi sektor, kluster pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan RM39.8 bilion, diikuti pelancongan (RM13.5 bilion), bioekonomi (RM5.6 bilion) dan minyak, gas dan petrokimia (RM4.8 bilion).

Menurut kenyataan itu, kerajaan memperuntukkan RM6.6 bilion bagi ECER di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan pelaburan awam, merangkumi projek prasarana strategik serta modal insan dan program pembangunan keusahawanan, yang telah membawa hasil.

Bercakap selepas mesyuarat majlis pertama ECERDC yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini, ketua pegawai eksekutifnya Datuk Seri Jebasingam Issac John berkata beliau menganggap 2015 sangat penting kerana ia menandakan tahun akhir RMK-10, sebelum beralih kepada RMK-11 tahun depan.

"Justeru itu ECERDC akan terus memberikan penekanan sama rata kepada ekonomi modal dan ekonomi rakyat bagi memastikan pembangunan berimbang dan inklusif dalam ECER.

"Di masa depan, tumpuan akan diberikan kepada sektor hasil tinggi seperti bioteknologi, minyak, gas dan petrokimia, serta teknologi maklumat dan komunikasi yang boleh mengembangkan rantaian nilai dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan bagi semua rakyat Malaysia," katanya.

Menurut kenyataan itu, pelaburan dalam ECER bukan terhad kepada kawasan bandar sahaja dan Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ) juga menerima komitmen pelaburan di kawasan luar bandar antara lainnya seperti Gua Musang (Kelantan), Besut (Terengganu), Jengka (Pahang) dan Rompin (Mersing, Johor).

Ia dijangka mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi penduduk tempatan di sini.

Selain syarikat multinasional terkemuka seperti BASF PETRONAS Chemicals Sdn Bhd, Kaneka Corporation dan Mercedes Benz, perusahaan kecil dan sederhana tempatan juga merupakan antara pelabur ECER.

Malaysia-China Kuantan Industrial Park, taman perindustrian pertama di Malaysia yang dibangunkan oleh Malaysia dan China juga merupakan yang pertama menerima status "Taman Perindustrian Nasional".

Ia telahpun berjaya menarik pelaburan berjumlah RM9.7 bilion.

"Kedudukan Zon Ekonomi Khas ECER sebagai pintu masuk pelaburan ke pasaran ASEAN akan diperkuatkan lagi selepas pengembangan Pelabuhan Kuantan selesai, yang ketika ini sedang dibina dan dijangka siap pada 2016," kata ECERDC.



Khamis, 9 April 2015

11. 1MDB: Kerajaan tegas elak salah laku - PM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri menegaskan beliau tidak boleh menerima jika berlaku salah guna kuasa dalam 1MDB dan memberi jaminan tidak akan mempertahankan sesiapa yang berbuat demikian.

Datuk Seri Najib Razak berkata, keluarganya turut dikaitkan dalam dakwaan salah guna kuasa dana 1MDB, yang dikatakan digunakan untuk membuat filem dan mahukan Ketua Audit Negara mengesahkan perkara itu.

"Saya juga minta Ketua Audit Negara tolong sahkan ada ke tidak dana 1MDB ini disalah gunakan untuk membuat filem dan yang seumpamanya, saya nak tahu. Ini antara perkara yang mesti ditentukan laporan Ketua Audit Negara dan disahkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Dalam PAC ada wakil dari pembangkang, mereka boleh bincangkan laporan Ketua Audit Negara. Biarlah proses ini berjalan, bagi tempoh tapi perlu buat dengan seberapa segera yang boleh, siasatan yang rapi. Saya nak rakyat tahu sebab saya telah beri jaminan bahawa dalam urusan 1MDB kalau ada salah guna kuasa, kita tidak akan pertahankan sesiapa," katanya.

Najib turut menjelaskan 1MDB adalah sebuah badan yang disifatkan sebagai sebuah syarikat pelaburan bermula dengan dana sebanyak RM1 juta berbanding dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Khazanah Nasional Berhad dan badan lain yang diberi pelbagai suntikan modal.

"Bila 1MDB nak mengembangkan perniagaannya terpaksa meminjam. Tetapi ingin saya tegaskan, aset yang diperoleh oleh 1MDB melebihi liabiliti. Kita perlu memberi masa kepada 1MDB membangun atau mencairkan aset ini supaya dapat melunaskan hutangnya," katanya.

Beliau turut menjelaskan mengenai dakwaan 1MDB memindahkan sejumlah dana ke akaun sulit di Pulau Cayman dengan menyatakan duit itu sebenarnya tidak berada di Pulau Cayman.

"Ia adalah pendaftaran saja, ada 200 syarikat Malaysia mempunyai akaun di Pulau Cayman. Tiada salahnya mereka simpan duit ini di luar sebab mereka ada hutang dalam bentuk hutang luar. Jadi, daripada mereka bawa balik ke Malaysia, lebih baik mereka simpan di luar sebab dapat keuntungan dari segi foreign forex dan sebagainya.

"Masa akan menentukan tapi dalam masa tertentu duit itu akan dibawa balik ke Malaysia. Tiada isu juga dengan Bank Negara kerana sistem kita bebas, namun apa-apa kita nak buat pun dengan pengesahan daripada Bank Negara, jadi mereka tahu pergerakan ini," katanya.

Dalam satu kenyataan pada 13 Januari lalu, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda, berkata syarikat berkenaan sudah menebus balik sepenuhnya AS\$2.318 bilion (RM8.34 bilion) yang dilaburkan dalam dana berdaftar di Kepulauan Cayman



Isnin, 13 April 2015

12. Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia terima peruntukan RM5 juta

PUTRAJAYA: Kerajaan meluluskan peruntukan permulaan sebanyak RM5 juta kepada Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia bagi menjalankan aktiviti berkaitan pesara kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata menerusi peruntukan berkenaan menunjukkan kerajaan sentiasa membela nasib pesara kakitangan awam dan mengambil berat kepentingan serta kebijikan mereka.

"Bila ekonomi bertambah, hasil negara juga bertambah, kita boleh tumpung pertimbangan sama ada untuk tambah elauan atau kaji semula gaji bagi kakitangan awam, kalau tidak ada hasil amat sukar untuk lakukan pertimbangan sedemikian.

"Kalau hasil bertambah kebijikan penjawat awam sentiasa diambil kira kerajaan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia dan perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 Kelab UMNO Pesara Kanan Kerajaan Malaysia, di sini sebentar tadi.

13. Kerajaan tidak cadang laksana kawalan modal

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak bercadang melaksanakan kawalan modal seperti ketika krisis kewangan Asia pada 1997/1998, bagi menghadapi penyusutan nilai ringgit pada masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkata ini disebabkan keadaan ekonomi negara pada waktu itu jauh berbeza berbanding sekarang.

"Dari sudut ekonomi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu sebanyak enam peratus pada 2014 berbanding 4.7 peratus pada 2013, yang didorong terutamanya oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik dan prestasi perdagangan luar yang semakin baik."

"Perkembangan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Negara di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Norliza Abdul Rahim yang ingin tahu kesan penurunan mendadak mata wang ringgit berbanding dolar Amerika yang dilaporkan terburuk dalam tempoh enam tahun, dan kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi negara jika situasi ini berlarutan.

Chua berkata, asas-asas ekonomi yang mapan seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi, turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi akan terus kukuh dan mencapai sasaran antara 4.5 peratus dan 5.5 peratus tahun ini.

Menjelaskan mengenai penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit, beliau berkata ia bukanlah kes terpencil dan didorong oleh faktor luaran serta pengukuhan dolar Amerika Syarikat.

Katanya, penyusutan itu memberi kesan yang berbeza kepada aktiviti eksport dan import negara, dengan pengeksport akan menerima manfaat hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit, sementara pengimport terpaksa menghadapi kenaikan kos import.

Katanya, peningkatan kos import akan menyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna yang mengukur inflasi, kerana harga barang yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal.

14. 18 daripada 23 kementerian, agensi kerajaan capai 100% KPI Bumiputera

PUTRAJAYA: Sebanyak 18 daripada 23 kementerian dan agensi kerajaan mencapai 100 peratus pencapaian bagi 129 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bumiputera yang ditetapkan tahun lalu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, empat kementerian lagi mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus KPI, manakala satu kementerian tidak mencapai sasaran,

"Bagi tahun ini, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) memperakukan 99 KPI Bumiputera untuk kesemua kementerian dan agensi kerajaan bagi tahun ini.

"Bilangan KPI Bumiputera tahun ini lebih rendah berbanding 129 KPI tahun lalu kerana kita ingin melihat semua kementerian melaksanakan KPI yang berimpak tinggi, bersifat berdasarkan hasil (outcome-based) dan mempunyai sasaran lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas mempengerusikan Mesyuarat MEB dan pelancaran 'Majlis Penasihat Industri' di sini sebentar tadi.



NAJIB diapit oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



Sabtu, 18 April 2015

15. Kerajaan sasar 92 peratus pelaburan swasta menjelang 2020

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyasarkan untuk mencapai 92 peratus bagi pelaburan swasta dalam semua sektor menjelang 2020, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Wee Ka Siong.

Beliau berkata, sasaran itu didorong oleh pelaburan swasta semasa sebanyak 64 peratus daripada semua pelaburan dalam negara berbanding pelaburan awam.

Wee berkata, pelaburan swasta berkembang kepada 13.9 peratus antara 2010 dan 2014 berbanding 3.1 peratus bagi tempoh 2007 hingga 2010.

"Pada 2012, sejumlah 45.33 peratus pelaburan swasta adalah dibelanjakan untuk aktiviti pengembangan syarikat, tetapi hanya 0.20 peratus untuk modal dana dan 5.45 peratus pula untuk peringkat permulaan syarikat kecil.

"Kita memerlukan lebih banyak permodal teroka untuk meneraju dalam lonjakan pelaburan swasta," katanya pada pelancaran Persidangan Kebangkitan ASEAN dan Meja Bulat Usahawan Global Ke-8 di sini hari ini.

Acara tiga hari yang dianjurkan MOC Capital Bhd dengan kerjasama Wealth Mastery Academy dan MICE Preferred Sdn Bhd itu dihadiri 300 delegasi daripada rantau ASEAN.

Mereka yang terdiri daripada usahawan, pemilik perniagaan kecil dan sederhana, bank dan pengurusan hadiri untuk membincangkan dan berkongsi pendapat dengan lebih lanjut mengenai aspek ekonomi.



Isnin, 20 April 2015

16. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.5-5.5 peratus - PM

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini.

"Kadar pertumbuhan berkenaan akan menjadikan Malaysia antara 20 negara yang berkembang pesat di dunia.

"Sejak bertahun, dengan kestabilan politik dan asas yang kukuh, ekonomi Malaysia berada pada landasan pertumbuhan yang teguh dan mapan," kata Perdana Menteri dalam laman rasmi Facebook beliau.

Ekonomi Malaysia berkembang enam peratus tahun lalu dengan sektor perkhidmatan menguasai 55 peratus daripada ekonomi negara manakala sektor pembuatan menyumbang 25 peratus.

Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan gabungan sebanyak enam peratus kepada RM835 bilion tahun lalu berbanding RM630 bilion pada 2009.



Rabu, 22 April 2015

17. Pembalak haram: Hukuman penjara dan denda tidak kurang RM25,000 bagi setiap kesalahan

PETRA JAYA: Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak sebentar tadi meluluskan Rang Undang-Undang Perhutanan 2015, selepas majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menyokongnya bagi mengantikan Ordinan Perhutanan 1953.

Speaker DUN Sarawak, Datuk Amar Mohd Asfia Awang Nassar, meluluskan Rang Undang-Undang yang memperuntukkan hukuman lebih berat kepada pesalah pembalakan haram itu pada jam 5.30 petang selepas dibahas 20 ADUN, termasuk 11 wakil parti pembangkang.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan, membentangkan rang undang-undang itu pada Persidangan Hari Kedua, Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kelima, DUN Sarawak Ke-17, pagi tadi.

Berdasarkan undang-undang baharu itu, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang RM25,000 untuk setiap kesalahan berkaitan pembalakan haram. Malah, pembalak haram yang didapati bersalah juga akan dihukum penjara selain Mahkamah akan mengarahkan mereka membayar royalti, premium dan bayaran yang dikenakan cukai tidak kurang sepuluh kali ganda kepada kerajaan negeri.



Khamis, 23 April 2015

18. Pencarum KWSP kekal hak keluar caruman pada usia 55 - PM

KUALA LUMPUR: Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal hak untuk mengeluarkan caruman pada usia 55 tahun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, sebarang perubahan hanya terpakai jika ahli memutuskan untuk bekerja melepas usia 55 tahun.

Najib berkata demikian ketika berucap merasmikan Invest Malaysia 2015 di sini, sebentar tadi.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan lebih 50,000 pencarum yang menyertai proses rundingan dalam talian sepanjang tempoh dua hari.

Beliau berkata, KWSP akan memastikan sebarang penambahbaikan hanya akan terpakai kepada caruman baharu membabitkan ahli yang berhasrat menyambung perkhidmatan selepas umur 55 tahun.

"Kerajaan sentiasa mendengar pandangan daripada rakyat. Adalah jelas majoriti ahli KWSP walaupun memahami kepentingan simpanan persaraan pada umur 60 tahun mahu mereka diberikan hak untuk menggunakan dana persaraan pada umur 55 tahun," katanya.



Khamis, 23 April 2015

19. Francais Malaysia berjaya tembusi 55 negara

PUTRAJAYA: Program 'Franchise Malaysia Goes Global' berjaya mengembangkan perniagaan 60 syarikat francais tempatan di 55 buah negara menerusi kewujudan 2,380 premis.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Hasan Malek, berkata perniagaan francais tempatan itu turut beroperasi di beberapa bandar raya utama dunia, antaranya Tokyo, London, New York dan Sydney.

"Kejayaan mewujudkan lebih 2,000 premis ke serata dunia ini membuktikan syarikat francais Malaysia juga mampu bersaing dan berdiri sama tinggi dengan syarikat francais luar negara," katanya ketika berucap merasmikan program Hari Francais 2015 di kementeriannya, di sini, hari ini.

Hasan berkata, industri francais negara menyumbang sebanyak RM25.6 bilion atau 2.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun lalu.

Berdasarkan sumbangan besar itu, kementeriannya mengunjurkan sumbangan industri francais kepada KDNK pada tahun ini mencecah RM27.7 bilion.

Sehingga kini, sejumlah 771 syarikat francais merangkumi pelbagai sektor telah didaftarkan di bawah pendaftar francais KPDKKK.



Khamis, 23 April 2015

20. Malaysia berupaya tangani kejutan luar, cabaran – Zeti

KUALA LUMPUR: Malaysia berjaya menunjukkan keupayaannya untuk menangani kejutan luar dan cabaran lebih daripada sekali, kata Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Zeti berkata negara berada pada kedudukan yang kukuh untuk mengurus cabaran luaran berikutnya pembaharuan kewangan dan penyusunan semula ekonominya yang dilaksanakan dalam dua dekad ini.

"Selama beberapa dekad, Malaysia telah menunjukkan secara berulang kali keupayaan untuk menangani kejutan harga komoditi, krisis kewangan dan kesan sampingan daripada masalah dari kawasan lain di dunia.

"Bagi setiap kejutan utama yang dihadapi ekonomi kita, Malaysia mempunyai pemulihan berbentuk 'V', pada dasarnya mencerminkan fleksibiliti ekonomi untuk menyelaras dan tindak balas dasar yang awal dan menyeluruh," katanya berucap pada persidangan Invest Malaysia 2015 selama dua hari di sini hari ini.

Persidangan itu adalah anjuran bersama Bursa Malaysia dan CIMB Group.

Beliau berkata asas-asas kukuh di Malaysia turut termasuk kadar inflasi yang rendah, tahap pengangguran yang juga rendah, rizab antarabangsa yang mencukupi, kadar simpanan yang tinggi dan paras hutang luar negeri yang boleh diurus dengan majoritinya dalam tempoh sederhana dan jangka panjang serta dengan lebih 40 peratus dalam denominasi ringgit.

Persekitaran operasi semasa adalah mencabar berikutan ketidaktentuan tempoh perubahan dasar ekonomi global yang memberi kesan kepada Malaysia melalui perdagangan dan aliran modal, katanya.

Ekonomi Malaysia diunjurkan kekal kukuh pada tahun ini, dengan pertumbuhan dijangka antara 4.5 dan 5.5 peratus, dipacu oleh permintaan domestik, yang akan diterajui oleh aktiviti sektor swasta yang kukuh yang kini menguasai 70 peratus ekonomi.

Mengenai landskap pelaburan, Zeti berkata wujudnya bidang pertumbuhan baharu, seperti tenaga boleh diperbaharui dan semikonduktor dalam segmen yang berkembang pesat seperti automotif, peralatan perubatan dan telekomunikasi, membolehkan Malaysia termasuk dalam rantaian bekalan global.

"Pelaburan dalam sektor pembuatan menuju ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi, beralih daripada pengeluaran asas dan pemasangan untuk menghasilkan barang yang mempunyai aplikasi canggih seperti dalam sektor penjagaan kesihatan dan automotif.

"Ini bukan saja menjana pekerjaan berkemahiran tinggi, tetapi pelaburan ini membolehkan pemindahan teknologi dan penggunaan automasi yang lebih tinggi dalam ekonomi Malaysia," katanya



Jumaat, 24 April 2015

21. KWSP, pelabur aset patuh Syariah terbesar dunia

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kini adalah pelabur Syariah terbesar di dunia dari segi saiz aset.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata setakat Disember 2014, pengurus dana persaraan itu melabur lebih RM250 bilion dalam aset patuh Syariah.

Jumlah pelaburan itu mewakili lebih 40 peratus daripada jumlah aset pelaburan keseluruhan KWSP berjumlah RM637 bilion setakat 31 Disember tahun lalu.

Kami bercadang untuk meningkatkan pelaburan kami dalam aset berlandaskan Syariah pada masa depan.

"Kami juga bercadang menawarkan opsyen kepada pencarum menukar skim caruman konvensional kepada skim caruman patuh Syariah menjelang 2017," katanya pada sesi pleno di Invest Malaysia 2015 di sini hari ini.

Melangkah ke hadapan, Shahril Ridza berkata, KWSP bercadang untuk meningkatkan pelaburan di luar negaranya kepada 26 peratus berbanding 23 peratus kini.

Langkah itu adalah sejajar strategi pengurus dana persaraan berkenaan dalam mempelbagaikan pelaburannya bagi menjamin pulangan yang mapan pada masa depan.

Dalam pada itu, ASEAN kekal menjadi rantaui pilihan utama pelaburan KWSP. Pengurus dana persaraan itu ketika ini melabur di Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Setakat 31 Disember 2014, aset pelaburan KWSP berjumlah RM636.53 bilion, meningkat 7.91 peratus daripada RM589.87 bilion pada 2013.

Sebanyak 51 peratus jumlah asetnya adalah dalam pendapatan tetap, 42 peratus dalam ekuiti dan selebihnya dalam harta tanah dan lain-lain.

KWSP juga mengumumkan kadar dividen sebanyak 6.75 peratus bagi 2014, meningkat berbanding 6.35 peratus pada tahun sebelumnya.



Ahad, 26 April

22. EU tingkat bantuan untuk ASEAN kepada 170 juta Euro

KUALA LUMPUR: Kesatuan Eropah (EU) meningkatkan bantuannya untuk ASEAN kepada 170 juta Euro daripada 70 juta Euro dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

Menurut kenyataan bersama pada Perundingan Menteri Ekonomi ASEAN-Pesuruhjaya Perdagangan EU ke-13 di sini hari ini, jumlah itu turut termasuk 86 juta euro bagi jalinan hubungan menerusi integrasi ekonomi dan perdagangan mapan dan inklusif.

Ini diumumkan oleh Pesuruhjaya Perdagangan EU Cecilia Malmstrom pada perundingan itu yang diadakan bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-26. Perundingan sebelum ini diadakan pada 2013.

Perundingan itu dipengerusikan bersama oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Malmstrom.

Bagi meningkatkan lagi hubungan ekonomi serta hubungan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan EU, kalangan Menteri dan Pesuruhjaya Perdagangan EU meluluskan program kerja perdagangan dan pelaburan ASEAN-EU bagi 2015-2016.

Program itu dirumuskan susulan kejayaan inisiatif di bawah program kerja perdagangan dan pelaburan ASEAN-EU bagi 2013-2014, selaras dengan Pelan Tindakan Bandar Seri Begawan untuk memperkuatkan Perkongsian ASEAN-EU 2013-2017.

"Mereka menyambut baik input daripada sektor swasta. Kalangan Menteri dan Pesuruhjaya Perdagangan EU mengalu-alukan tumpuan baharu diberikan kepada penganjuran mesyuarat-mesyuarat pakar bagi bidang kepentingan bersama," menurutnya. - BERNAMA



Iasnin, 27 April 2015

23. Pemimpin ASEAN tunjuk minat galak PKS pacu ekonomi

KUALA LUMPUR: Pemimpin ASEAN melahirkan minat mereka untuk menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai kuasa pemacu bagi cadangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC), Tan Sri Dr Mohd Munir Abdul Majid, berkata pemimpin ASEAN sedar penekanan perlu diberikan kepada PKS dan ASEAN boleh bekerjasama lebih erat lagi berhubung perkara itu.

"Mereka yang berada di sini sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 mahu mengetahui pendekatan terbaik untuk meningkatkan pembangunan PKS," katanya selepas sesi interaksi ABAC bersama pemimpin ASEAN, di sini, hari ini.

Mohd Munir berkata, Presiden Filipina, Benigno S Aquino III menyatakan sokongan beliau untuk mengukuhkan lagi sektor PKS, manakala Perdana Menteri Thailand, Jeneral Prayut Chan-o-cha menyatakan Bangkok akan meningkatkan usaha menghapuskan halangan bukan tarif.

Mengenai cadangan ABAC supaya wawasan ASEAN pasca 2015 diserahkan pada November tahun ini, beliau berkata, majlis itu akan menyiapkannya pada akhir Ogos.

"Kami mahu idea kami dimasukkan ke dalam agenda wawasan ASEAN pasca 2015," katanya.

Sebelum ini, Munir menyatakan ABAC Malaysia akan mengemukakan 11 cadangan bagi wawasan ASEAN pasca 2015 dengan tumpuan meningkatkan perdagangan antara ASEAN.

Mengenai kemungkinan ASEAN dan Kesatuan Eropah menyambung semula rundingan bagi perjanjian perdagangan bebas (FTA), beliau berkata, ia membuktikan ASEAN sebagai satu blok ekonomi menarik.

Rundingan FTA ASEAN-EU dilancarkan pada tahun 2007, tetapi selepas tujuh pusingan rundingan, mereka menghentikannya pada Mac 2009, sebahagian besarnya disebabkan percanggahan pendapat berhubung isu politik dan hak asasi manusia di Myanmar.

ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 1967 dianggotai Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand, Indonesia, Brunei Darussalam, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.



Selasa, 28 April 2015

24. Perdagangan IMT-GT dijangka catat pertumbuhan tinggi selepas AEC

LANGKAWI: Nilai perdagangan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) yang berjumlah lebih daripada AS\$600 juta pada akhir 2014, dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

"Kami percaya sektor pelancongan rantau kecil ini mempunyai potensi amat besar, jadi ini adalah bahagian yang kami akan tumpukan, bermula dengan meningkatkan hubungan," kata Naib Presiden Indonesia Jusuf Kalla pada sidang akhbar selepas Sidang Kemuncak IMT-GT Ke-9, di sini, hari ini.

IMT-GT ialah inisiatif kerjasama sub-serantau yang ditubuhkan pada 1993 oleh kerajaan Indonesia, Malaysia, dan Thailand untuk mempercepatkan transformasi ekonomi di wilayah-wilayah kurang membangun.

Sidang Kemuncak IMT-GT, yang bermula selepas Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-11, diadakan sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 yang baru berakhir.

Perbincangan berturut-turut setengah hari itu dilihat sebagai sangat penting kerana kedua-dua BIMP-EAGA dan IMT-GT telah menjadi platform bagi penyepadan rantau kecil yang akan memberi sumbangan terus kepada pelaksanaan integrasi ASEAN.

Sidang Kemuncak IMT-GT dipengerusikan oleh Jusuf Kalla manakala Sidang Kemuncak BIMP-EAGA dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan acara hari ini dihadiri Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Presiden Filipina Benigno S. Aquino III dan Perdana Menteri Thailand Jeneral Prayut Chan-ocha.

Najib, pada sidang media lain hari ini berkata kedua-dua sidang kemuncak itu mengesahkan kepentingan kerjasama rantau kecil itu sebagai kerangka ke arah pelaksanaan Komuniti ASEAN pada 2015.

Sejak penubuhannya, IMT-GT telah berkembang dalam skop geografi dan aktiviti merangkumi lebih 70 juta penduduk.

Rantau kecil itu terletak di laluan kapal paling sibuk di dunia, Selat Melaka, dan terdiri dari 10 wilayah di Sumatra, Indonesia, lapan negeri di Semenanjung Malaysia dan 14 wilayah di selatan Thailand.

ASEAN ialah rakan dagang utama IMT-GT dengan kira-kira 30 peratus bahagian perdagangan terkumpul bagi tempoh 2008-2011 manakala rakan dagang utama lain ialah AS, Kesatuan Eropah, China dan Jepun.



Selasa, 28 April 2015

25. MAHB dapat projek RM23.58 juta di Qatar

KUALA LUMPUR: Unit Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Malaysia Airports Consultancy Services Middle East LLC, mendapat kontrak bernilai RM23.58 juta untuk projek di Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Doha (NDIA) di Qatar.

Kontrak rasmi akan ditandatangani antara pihak-pihak berkenaan pada 1 Mei, demikian menurut MAHB dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Surat pelantikan yang diterima pada 31 Mac, bagi pelaksanaan kemudahan perkhidmatan pengurusan bagi pejabat projek NDIA, gudang NDIA dan kemudahan berkaitan di pejabat projek Jawatankuasa Pemandu NDIA di Doha.

Menurut MAHB lagi, projek berkenaan selama tiga tahun dengan skop kerja termasuk penyenggaraan kemudahan kejuruteraan awam, struktur dan jalan. "Projek berkenaan menunjukkan kesungguhan MAHB untuk terus meninjau peluang dalam pembangunan, operasi dan pengurusan serta perundingan projek lapangan terbang di luar negara," kata MAHB.

Menurut syarikat itu lagi, projek tersebut dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa depan kumpulan dan aset bersih bermula tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2015.